Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)
Vol 7(1), 2025
eISSN: 2590-3942
Published by UiTM Press
Managed by Center for Islamic Philanthropy & Social Finance
Journal homepage: https://journal.uitm.edu.my/ojs/index.php/JIPSF

JUDI DALAM TALIAN: CABARAN MENANGANI AKTIVITI PERJUDIAN DI ERA DIGITAL MENGIKUT UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

(ONLINE GAMBLING: THE CHALLENGES OF HANDLING GAMBLING ACTIVITIES IN THE DIGITAL ERA ACCORDING TO THE LAW IN MALAYSIA)

Nur Fatin Rosli[a*], Nur Syazwannie Humaira Samseri[b], Marisa Mazanan[c], Bahirah Kamarudin[d], & Syahrina Hayati Md Jani[e*]

[a]Universiti Teknologi MARA, Bandaraya Melaka Campus, 2022862502@student.uitm.edu.my
[b]Universiti Teknologi MARA, Bandaraya Melaka Campus, 2022490432@student.uitm.edu.my
[c]Universiti Teknologi MARA, Bandaraya Melaka Campus, 2022887918@student.uitm.edu.my
[d]Universiti Teknologi MARA, Bandaraya Melaka Campus, 2022888054@student.uitm.edu.my
[e]Universiti Teknologi MARA, Alor Gajah Campus, syahr520@uitm.edu.my*
[*]Corresponding Author

ARTICLE INFO

Received:
25/02/2025
Received In Revised Form:
09/03/2025
Accepted:
10/03/2025
Published:
20/03/2025

Keywords:
Pemantauan Perjudian;
Penguatkuasaan Teknologi;
Perjudian Dalam Talian;
Undang-undang di Malaysia;
Akta Perjudian.

DOI:
10.24191/jipsf/v7n12025_12-25

Abstrak

Perjudian dalam talian merujuk kepada aktiviti pertaruhan atau permainan yang melibatkan wang atau nilai lain yang dilakukan melalui platform digital seperti laman web, aplikasi mudah alih, dan saluran dalam talian lain. Antara bentuk perjudian dalam talian yang popular adalah permainan kasino, pertaruhan sukan, poker dalam talian, dan loteri maya. Transaksi dalam perjudian ini dilakukan secara elektronik, menjadikannya lebih sukar dikesan dan dikawal berbanding perjudian tradisional yang bersifat fizikal. Sifat maya dan global aktiviti ini melampaui sempadan geografi, menjadikan penguatkuasaan undang-undang lebih rumit kerana ia melibatkan pelbagai pihak dan bidang kuasa antarabangsa. Di Malaysia, perjudian dalam talian mewujudkan cabaran besar kepada pihak berkuasa dalam menguatkuasakan undang-undang di era digital. Antara cabaran utama adalah kesukaran dalam menjejaki aktiviti dan transaksi digital yang sering menggunakan teknologi canggih dan bersifat tanpa sempadan. Selain itu, isu berkaitan penyitaan dan penyimpanan bukti digital turut menjadi masalah kerana bukti tersebut mudah diubah atau dipadam, memerlukan kepakaran dan teknologi khas untuk mengesahkannya. Bidang kuasa negeri yang berbeza-beza di Malaysia turut menambah kesukaran dalam menyelaraskan tindakan penguatkuasaan, di samping limitasi dalam undang-undang perjudian sedia ada yang mungkin tidak lagi relevan dalam menangani bentuk perjudian moden ini. Kekurangan teknologi, kepakaran digital, dan koordinasi antara agensi penguatkuasaan di peringkat negeri dan Persekutuan menjadi faktor utama yang menghalang keberkesanan tindakan undang-undang. Oleh itu, kajian ini menyoroti keperluan mendesak untuk mereformasi undang-undang sedia ada agar lebih selaras dengan perkembangan teknologi digital dan cabaran semasa. Selain itu, kolaborasi antara agensi penguatkuasaan, institusi kewangan, dan penyedia perkhidmatan digital adalah penting bagi memperkukuhkan pemantauan dan pengawalan aktiviti perjudian dalam talian. Pendekatan yang

menyeluruh dan strategi yang bersepadu diperlukan bagi memastikan penguatkuasaan undang-undang yang lebih berkesan serta melindungi masyarakat daripada risiko dan implikasi negatif perjudian dalam talian.

Abstract

Online gambling refers to betting or gaming activities involving money or other valuable assets conducted through digital platforms such as websites, mobile applications, and other online channels. Popular forms of online gambling include virtual casino games, sports betting, online poker, and digital lotteries. Transactions in online gambling are carried out electronically, making them harder to detect and control compared to traditional physical gambling. The virtual and global nature of these activities transcends geographical boundaries, complicating law enforcement as it involves multiple parties and international jurisdictions. In Malaysia, online gambling presents significant challenges for authorities in enforcing laws in the digital era. One of the primary challenges is the difficulty in tracking digital activities and transactions, which often use advanced and borderless technologies. Additionally, issues related to the seizure and preservation of digital evidence pose problems, as such evidence can be easily altered or deleted, requiring specialized expertise and technology for verification. The varying jurisdictions of different states in Malaysia further complicate efforts to coordinate enforcement actions, alongside the limitations of existing gambling laws, which may no longer be relevant in addressing modern forms of gambling. The lack of advanced technology, digital expertise, and coordination between state and federal enforcement agencies are key factors hindering the effectiveness of legal actions. Therefore, this study highlights the urgent need to reform existing laws to align more closely with digital technological developments and current challenges. Moreover, collaboration between law enforcement agencies, financial institutions, and digital service providers is crucial to strengthening the monitoring and control of online gambling activities. A comprehensive approach and an integrated strategy are essential to ensure more effective law enforcement and to protect society from the risks and negative implications of online gambling.

Keywords: Gambling Monitoring; Laws in Malaysia; Online Gambling; Remote Gambling Act; Technology Enforcement

PENGENALAN

Pengertian mengikut bahasa Arab, judi disebut sebagai al-Maisir atau al-Qimar. Hal ini merupakan permainan pertaruhan yang dimainkan oleh orang Arab dengan anak panah. Permainan judi juga boleh bermaksud permainan dengan anak batu, dadu atau segala jenis pertaruhan lain. Perjudian ialah pertaruhan atau permainan yang dilakukan antara pihak yang bertanding sama ada mereka akan menang atau kalah dengan mendapat keuntungan. Keputusan permainan kebiasaannya secara kebetulan atau nasib, berbanding dengan bakat atau kemahiran, serta termasuk pertaruhan wang atau harta benda. Aktiviti ini mempunyai kesan negatif termasuk ketagihan, kehilangan sejumlah besar wang, kemerosotan sosial dan keluarga apabila individu atau kumpulan terlibat dalam perjudian tanpa kawalan. (Tuan Muhammad Faris Hamzi Tuan Ibrahim, 2024).

Bagi umat Islam, judi merupakan kegiatan yang haram dilakukan kerana merupakan ganjaran yang tidak dalam sesuatu pertaruhan serta kerana setiap indivitu mengharapkan sesuatu keuntungan yang lumayan dan ketagih dalam menaruh sesuatu dengan niat yang salah. Di dalam al-Quran judi diharamkan awalnya pada surah al-Baqarah ayat 219 yang bermaksud;

"Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah: Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya…" (al-Baqarah 219)

Berdasarkan jurnal analisa terhadap undang-undang perjudian dalam talian di Malaysia, elemen-elemen perjudian turut dibincangkan iaitu balasan, hadiah dan peluang (Rahman, 2024). Balasan ialah "harga" yang dibayar untuk mendapatkan sesuatu, seperti membayar wang untuk menyertai permainan. Seterusnya, hadiah ialah ganjaran atau keuntungan yang boleh diperoleh daripada aktiviti tertentu. Selain itu, peluang merujuk kepada elemen nasib atau ketidakpastian yang menentukan hasil akhir, di mana peserta tidak dapat meramalkan keputusan dengan pasti. Maka elemen-elemen ini merupakan asas definisi dalam aktiviti perjudian iaitu ketiga-tiga unsur ini.

Perjudian berlesen di Malaysia termasuk perniagaan seperti kasino di Resorts World Genting, satu-satunya kasino sah di negara ini yang merupakan syarikat berlesen. Ini termasuk Magnum 4D, Sports Toto, dan Da Ma Cai, serta Special Cashsweep, Sabah88 dan Sandakan4D. Aktiviti ini dijalankan dengan lesen yang dikeluarkan oleh kerajaan dan berada di bawah kawalan undang-undang. Sebaliknya, perjudian tidak berlesen termasuk perjudian siber, perjudian bawah tanah dan jenis pertaruhan haram yang lain. Kesalahan ini dianggap melanggar undang-undang seperti Akta Rumah Judi Terbuka 1953, dan pesalah boleh didenda atau dipenjarakan (Rahman, 2024).

Menurut Imam Fakhruddin al-Razi dalam kitab tafsirnya, *Mafatih al-Ghaib* iaitu larangan perjudian berpunca daripada dosa dan keburukannya yang boleh mencetuskan permusuhan, cercaan, dan konflik dalam masyarakat. Judi dan pertaruhan dianggap sebagai cara pengambilan harta yang haram serta melalaikan manusia daripada mengingati Allah dan mengamalkan ibadah terutamanya solat. Selain itu, dengan ketagihan ingin menang, terutamanya selepas kekalahan, mendorong seseorang untuk berjudi sehingga ke tahap yang tidak terkawal, bahkan sanggup mempertaruhkan harta benda dan ahli keluarga mereka sendiri. Akibatnya, mereka yang kalah akan jatuh miskin, dan menyimpan dendam yang membawa kepada kebencian yang berterusan secara tidak langsung telah merosakkan keharmonian masyarakat (Tuan Muhammad Faris Hamzi Tuan Ibrahim, 2024).

Kegiatan judi cenderung dijalankan berpunca daripada beberapa faktor antaranya adalah disebabkan tekanan hidup. Tekanan hidup ini tercetus kerana terdapat masalah yang dihadapi dalam diri mereka seperti masalah dalam pekerjaan atau persekitaran tempat kerja. Hal ini dapat dilihat apabila pihak atasan memberi tekanan dan beban yang berat kepada pekerja dalam menyelesaikan sesuatu tugasan dalam tempoh yang singkat. Selain itu, terdapat juga pihak atasan yang membuli, mengeluarkan kata-kata kesat serta mengarahkan sesuatu di luar tanggungjawab mereka. Justeru itu, mereka melepaskan tekanan yang dapat menyenangkan diri melalui aktiviti perjudian dalam talian. Perkara ini berlaku berpunca daripada keinginan mereka yang inginkan sesuatu yang dapat memuaskan hidup serta bebas daripada masalah emosi yang dihadapi (Ibrahim Al Hakim, 2024).

Aktiviti perjudian ini merupakan aktiviti yang memberikan banyak kesan sama ada kepada individu, keluarga, malahan ekonomi negara. Akibat daripada perjudian timbul pelbagai masalah yang mampu meragut nyawa dan kemusnahan hidup. Tambahan pula, ketagihan berjudi boleh menghancurkan keharmonian keluarga sehingga bercerai-berai, keganasan rumah tangga serta mampu meragut nyawa. Menurut artikel berita yang ditulis oleh Aminnuralif dan diterbitkan oleh Sinar Harian, seorang isteri berkongsi bahawa suaminya berubah selepas menjadi kaki judi yang dahulunya merupakan seorang yang taat kepada agama. Suaminya juga bertukar menjadi seorang yang panas baran serta kaki pukul yang mengakibatkan isterinya menjadi seperti *punching bag* setiap kali beliau pulang ke rumah selepas berjudi (Aminnuraliff, 2023).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menganalisis cabaran dalam menangani aktiviti perjudian dalam talian dari perspektif undang-undang Syariah di Malaysia. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif untuk memahami cabaran dan isu berkaitan aktiviti perjudian dalam talian di Malaysia mengikut perspektif undang-undang Syariah dan sivil. Selain itu, data utama diperoleh melalui analisis dokumen seperti artikel akademik, jurnal, dan laporan berkaitan perundangan perjudian yang relevan. Di samping itu, sumber sekunder termasuk laporan media dan dokumen kerajaan digunakan untuk memperkaya pandangan kajian.

Seterusnya, reka bentuk kajian ini memberi penekanan kepada analisis kandungan yang membolehkan kajian penyelidikan elemen-elemen kritikal seperti implikasi teknologi, jurang undang-undang, dan aspek penguatkuasaan. Pendekatan ini memastikan data yang diperoleh adalah mencukupi merangkumi perspektif holistik tentang perkembangan isu perjudian dalam talian.

Secara keseluruhannya, analisis data dilakukan secara tematik untuk mengenal pasti subtopik penting seperti kekangan undang-undang sedia ada, kesan sosial dan ekonomi perjudian dalam talian, serta

keperluan reformasi perundangan. Hasil analisis tematik ini digunakan untuk menggariskan cabaran utama yang dihadapi dalam penguatkuasaan undang-undang Syariah dan sivil di Malaysia, termasuk penggunaan mata wang kripto dan teknologi *Virtual Private Network* (VPN). Penemuan daripada analisis ini juga membantu membentuk cadangan.

DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS

Isu dan Masalah



Rajah 1: Kerangka Konsep Kajian

Kekurangan Undang-Undang Sedia Ada

Di Malaysia, isu perjudian dalam talian semakin kompleks dan mencabar, terutamanya dari segi penguatkuasaan undang-undang. Undang-undang semasa, seperti Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953, tidak dibuat untuk menangani perubahan teknologi yang menyukarkan pengawasan dan pendakwaan. Penguatkuasaan menjadi lebih mencabar kerana terdapat peraturan khusus untuk perjudian dalam talian. Selain itu, usaha untuk mengawal transaksi digital menjadi lebih sukar kerana penguat kuasa tidak mempunyai pengetahuan teknikal yang mencukupi. Oleh itu, untuk menangani isu perjudian dalam talian secara lebih menyeluruh, undang-undang yang sedia ada mesti dikemaskini, dan kemahiran teknikal pihak berkuasa mesti ditingkatkan. Selain itu, adalah penting untuk meningkatkan kerjasama antara agensi.

Kesan Sosial dan Ekonomi

Perjudian dalam talian mempunyai kesan negatif terhadap masyarakat kerana dapat meningkatkan kes jenayah, masalah kewangan individu, dan konflik keluarga. Keadaan ini semakin kritikal apabila wang yang sepatutnya digunakan untuk keperluan lain seperti pendidikan dan keperluan harian keluarga dibazirkan begitu saja. Perjudian dalam talian boleh menjejaskan ekonomi dan masyarakat negara jika tiada pengawasan dan penguatkuasaan yang lebih baik. Ini boleh menjejaskan kestabilan masyarakat secara keseluruhan. Oleh itu, tindakan menyeluruh diperlukan untuk menangani isu ini agar dapat meningkatkan kesedaran awam tentang bahaya perjudian dalam talian. Maka, kesan negatif yang ditimbulkan oleh perjudian dalam talian mampu dikurangkan.

Keperluan Penyelarasan Undang-Undang Syariah dan Persekutuan


Penyelarasan antara undang-undang Syariah negeri dan undang-undang Persekutuan adalah penting untuk memastikan keberkesanan penguatkuasaan. Antaranya, memperluas bidang kuasa negeri. Hal ini dikatakan sedemikian kerana definisi undang-undang yang digunakan dalam enakmen syariah negeri

sering kali terhad kepada lokasi fizikal seperti "rumah judi". Dengan itu, pihak berkuasa sukar untuk memantau aktiviti perjudian digital. Maka, ia memberi kuasa lebih besar kepada mahkamah Syariah untuk mendakwa kes perjudian dalam talian yang melibatkan umat Islam.

Selain itu, kewujudan penguatkuasaan bersama turut menggalakkan kerjasama antara pihak berkuasa agama, polis dan SKMM dalam operasi menyekat perjudian dalam talian. Contohnya, Polis Diraja Malaysia (PDRM) boleh berganding bahu dengan pihak berkuasa agama dalam menjalankan operasi seperti serbuan dan rampasan, bagi umat Islam yang terlibat akan didakwa serta merta.

Tambahan pula, kerjasama dengan pihak berkuasa antarabangsa juga perlu diperkukuhkan lagi dalam menangani perkara ini kerana kebanyakan laman sesawang mahupun aplikasi dapat diakses oleh para pengguna hanya melalui *Internet* yang tiada sempadan. Dengan itu, pengguna dapat melayari laman judi digital di negara lain, dimana negara tersebut mempunyai kelonggaran dari segi undang-undang tentang perjudian. Maka, pengguna di Malaysia masih dapat melayari laman sesawang tersebut dengan menggunakan VPN sebagai platform bagi mengaburi aktiviti mereka daripada pihak berkuasa Malaysia.

Cabaran Menangani Perjudıan Mengikut Syarıah



Rajah 2: Cabaran Menangani Perjudian Mengikut Syariah

Penjejakan Aktiviti dan Transaksi

Usaha untuk memantau dan mengesan pergerakan kewangan serta aktiviti yang berlaku di platform perjudian dalam talian merujuk kepada usaha untuk menjejaki transaksi dan aktiviti perjudian dalam talian. Penjejakan ini melibatkan pengawasan terhadap transaksi kewangan yang berlaku. Namun, dengan kemajuan teknologi, pengawasan terhadap aktiviti ini menjadi semakin sukar kerana transaksi boleh disembunyikan melalui pelbagai saluran dan platform.

Penggunaan mata wang kripto, seperti *Bitcoin*, dalam perjudian dalam talian memudahkan transaksi dengan cara yang lebih pantas, tanpa memerlukan pihak ketiga seperti bank. *Bitcoin* menggunakan teknologi *blockchain* yang menyembunyikan identiti sebenar pengguna, walaupun mereka disambungkan dengan alamat *Bitcoin* awam. Contohnya, penerima hanya dapat mengetahui maklumat berkaitan *Bitcoin* yang dihantar, tetapi identiti atau alamat sebenar penghantar tidak dapat dikenal pasti. Mata wang kripto ini juga memastikan privasi transaksi kerana pengguna boleh berurusan tanpa

mendedahkan maklumat peribadi mereka. Di samping itu, *cryptocurrency* membolehkan perjudian dalam talian berlaku tanpa sekatan mata wang, memudahkan pemain dari negara yang mengharamkan perjudian dalam talian untuk mengakses laman perjudian yang tidak sah di negara mereka.

Penggunaan *Virtual Private Network* (VPN) dan proksi juga semakin meluas di kalangan pemain untuk menyembunyikan lokasi geografi mereka. Ini menghalang pihak berkuasa daripada memantau asal usul lokasi pengguna. Dengan menggunakan VPN, pemain boleh mengakses laman perjudian yang mungkin dilarang di negara mereka, membuktikan bahawa penggunaan teknologi seperti ini menyukarkan usaha pihak berkuasa untuk memantau dan mengesan aktiviti perjudian dalam talian.

Selain itu, banyak platform perjudian dalam talian yang beroperasi di luar negara turut menyumbang kepada cabaran dalam menjejaki transaksi dan aktiviti perjudian. Ini kerana banyak platform ini tidak terikat dengan undang-undang negara tertentu, seperti Malaysia. Walaupun Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah berusaha untuk menyekat akses ke laman perjudian ini, pemain masih boleh mengakses laman tersebut melalui aplikasi mudah alih, kerana banyak negara mempunyai undang-undang yang lebih longgar terhadap perjudian. Oleh itu, pihak berkuasa menghadapi kesukaran untuk menyekat semua aktiviti perjudian dalam talian yang dilakukan oleh pemain.

Penyitaan dan Penyimpanan Bukti Digital

Salah satu cabaran utama dalam menangani perjudian mengikut Syariah di Malaysia adalah isu penyitaan dan penyimpanan bukti digital. Berdasarkan perundangan telah ada, seperti Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 (Akta 289), menunjukan undang-undang tidak merangkumi perjudian dalam talian yang kini semakin meluas. Oleh itu, ketidaksempurnaan ini telah menyebabkan kekeliruan dalam penguatkuasaan undang- undang, kerana Akta 289 memfokuskan kepada premis fizikal sebagai "rumah perjudian terbuka."

Dengan ketiadaan peruntukan undang-undang jelas bagi perjudian digital, pihak berkuasa terpaksa menggunakan akta lain seperti Akta Pencegahan Jenayah (POCA) untuk menangani kes perjudian dalam talian. Oleh itu, kesukaran ini menunjukkan bahawa undang-undang semasa memerlukan penambahbaikan untuk mengendalikan perjudian digital dengan lebih menyeluruh dan relevan seiring dengan perkembangan teknologi semasa.

Selain itu, proses pengumpulan dan penyimpanan bukti digital dalam kes perjudian turut menjadi cabaran besar kepada pihak berkuasa. Hal ini demikian kerana pengendalian bukti digital memerlukan kepakaran khusus dalam teknologi serta sumber daya yang mencukupi untuk memastikan bukti tidak diubah suai dan mengekalkan integriti. Misalnya, bukti digital berbeza dari bukti fizikal kerana ia lebih mudah dimanipulasi, yang boleh mempengaruhi kebenaran bukti di mahkamah.

Di samping itu, pihak penguatkuasaan juga memerlukan prosedur penyimpanan bukti yang jelas bagi mencegah bukti dari dirosakkan atau hilang dalam proses siasatan. Kepentingan ketulenan dan keselamatan bukti digital adalah kritikal, kerana sebarang kelemahan dalam proses ini boleh menyebabkan bukti tidak diterima di mahkamah dan pelaku mungkin terlepas dari hukuman. Pendek kata, pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan teknologi yang canggih dan tenaga pakar dalam forensik digital adalah sangat penting untuk memastikan kes berjaya dibawa ke mahkamah dan pesalah boleh disabitkan kesalahan.

Dalam pada itu, sifat perjudian dalam talian yang melibatkan operator luar negara memperlihatkan cabaran yang lebih besar dalam aspek penguatkuasaan. Hal ini bersangkut-paut dengan banyak laman sesawang perjudian diuruskan oleh operator yang berpengkalan di luar Malaysia, menjadikan proses penyitaan dan penutupan laman sesawang tersebut lebih rumit dan sering memerlukan kerjasama rentas sempadan. Dalam hal ini, Malaysia perlu bekerjasama dengan pihak antarabangsa dan penyedia platform seperti *Facebook*, *Twitter*, dan *YouTube* untuk menurunkan kandungan perjudian yang tidak sah di sisi undang-undang tempatan. Walaupun pihak berkuasa tempatan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) boleh menyekat laman sesawang perjudian domestik,

laman perjudian antarabangsa masih boleh diakses menggunakan perkhidmatan VPN, yang memerlukan pendekatan lebih tegas serta kerjasama antarabangsa yang lebih luas untuk menanganinya.

Sementara itu, kekurangan pengawalseliaan yang jelas bagi perjudian dalam talian turut memberi kesan terhadap usaha perlindungan masyarakat, khususnya dari segi sosio-ekonomi. Dalam pandangan Islam, perjudian adalah dilarang dan dianggap sebagai perbuatan haram kerana ia merosakkan moral individu serta institusi keluarga. Walaupun pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia menyokong penguatkuasaan terhadap perjudian, terdapat juga suara yang memandang pengawalseliaan perjudian dalam talian sebagai kontroversial, terutamanya dalam konteks negara berbilang kaum dan agama seperti Malaysia.

Pada masa yang sama, ketiadaan undang-undang yang tegas membolehkan pengendali perjudian mempromosikan laman sesawang perjudian melalui media sosial dan laman web lain, sekaligus memperluas pengaruh mereka terhadap masyarakat termasuk golongan muda. Tanpa peruntukan khusus dalam undang-undang Syariah dan undang-undang sekular bagi perjudian dalam talian, tindakan penguatkuasaan berkesan menjadi terbatas. Justeru, penambahbaikan dan pindaan undang-undang adalah sangat penting untuk memastikan Malaysia mempunyai mekanisme yang kukuh dalam mengekang masalah perjudian digital, sejajar dengan prinsip-prinsip Syariah serta melindungi kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan.

Bidang Kuasa Negeri-Negeri

Bidang kuasa negeri-negeri di Malaysia berhadapan dengan cabaran yang kompleks dalam menangani perjudian dalam talian di mana sifatnya yang melangkaui sempadan geografi dan melibatkan pelbagai pihak. Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, setiap negeri diberikan kuasa terhadap hal ehwal Islam, termasuk pendakwaan perjudian, melalui enakmen syariah masing-masing. Walau bagaimanapun, sifat global perjudian dalam talian ini yang menyukarkan negeri untuk mendakwa pesalah yang mungkin berada di negeri atau negara lain. Oleh itu, tanpa mekanisme kerjasama yang kukuh antara negeri atau dengan agensi pusat seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan menyebabkan keberkesanan tindakan berbeza-beza di setiap kawasan dan menjadikan aktiviti ini sukar untuk dibanteras secara menyeluruh (Ibrahim, T. M. F. H. T., Faisal, M. S., & Baharuddin ,2024).

Selain itu, definisi undang-undang yang digunakan dalam enakmen syariah negeri sering kali terhad kepada lokasi fizikal seperti "rumah judi." Ini menyukarkan pendakwaan terhadap perjudian dalam talian yang tidak memerlukan premis tetap dan beroperasi melalui platform maya atau di atas talian (Dhillon et al., 2021). Cabaran ini menunjukkan keperluan untuk reformasi undang-undang yang boleh menyelaraskan definisi ini dengan perkembangan teknologi. Walaupun beberapa negeri telah mula melihat keperluan ini, proses reformasi sering dipertahankan oleh perbezaan keutamaan, sumber yang terhad, dan halangan birokrasi di antara negeri dan kerajaan Persekutuan.

Di samping itu, negeri-negeri menghadapi cabaran dalam aspek penguatkuasaan akibat kekurangan kepakaran teknologi dan kemudahan yang diperlukan untuk memantau aktiviti perjudian dalam talian. Kebanyakan negeri tidak dilengkapi dengan kemudahan teknikal untuk mengenal pasti transaksi digital atau memahami sistem rumit seperti enkripsi data dan *blockchain*. Ini menjadikan sokongan teknikal daripada agensi pusat seperti SKMM sangat diperlukan. Walau bagaimanapun, kerjasama antara negeri dan Persekutuan kadang kala tidak selari kerana konflik keutamaan dan batasan kuasa, menjadikan usaha penguatkuasaan rentas negeri tidak konsisten.

Akhir sekali, bidang kuasa negeri menjadi salah satu halangan utama kerana undang-undang berkaitan perjudian di Malaysia, seperti Akta Rumah Judi Terbuka 1953, adalah undang-undang Persekutuan. Namun, pelaksanaan dan penguatkuasaan sering kali melibatkan pihak berkuasa negeri. Setiap negeri mempunyai autonomi tertentu dalam aspek pentadbiran agama Islam dan moral, termasuk melarang perjudian mengikut undang-undang syariah bagi orang Islam. Ini mewujudkan ketidakseimbangan dalam penguatkuasaan antara negeri, terutama dalam menangani operasi perjudian dalam talian yang bersifat rentas sempadan. Tambahan pula, negeri-negeri yang mempunyai pendekatan berbeza terhadap

pengeluaran lesen perjudian boleh mencetuskan konflik dalam usaha menyelaras tindakan di peringkat nasional. Situasi ini menuntut kerjasama yang lebih erat antara kerajaan Persekutuan dan negeri untuk memastikan strategi penguatkuasaan lebih efektif dalam menangani cabaran perjudian dalam talian (Ibrahim, Faisal, & Baharuddin, 2024).

Limitasi Undang-Undang Perjudian

Undang-undang di Malaysia digubal oleh Parlimen Malaysia dan Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu di peringkat Persekutuan dan peringkat negeri dengan beberapa proses yang perlu dilakukan. Undang-undang juga digubal adalah untuk mengawal tingkah laku individu agar tidak melakukan kesalahan di dalam sesebuah negara agar dapat membentuk negara yang harmoni dan berdaya maju. Dengan penggubalan undang-undang juga individu dapat menegakkan keadilan bagi pihak mereka mengikut akta undang-undang di Malaysia. Maka undang-undang amatlah penting dalam mengawal individu agar menjadi masyarakat yang mempunyai etika yang terpuji.

Di Malaysia terdapat beberapa undang-undang berkaitan perjudian antaranya adalah Akta Pertaruhan 1953 [Akta 495], Akta Pertaruhan 1953 (Akta 289), Akta Loteri 1952 [Akta 288], Akta Pertaruhan Pool 1967 [Akta 384], Akta Perlumbaan (Lembaga Totalizator) 1961 [Akta 494] dan Akta Kelab Lumba Kuda (Ambil Tagan Awam) 1965 [Akta 404] (Rahman, 2024). Dengan undang-undang yang digubal kini terdapat pelbagai cabaran dalam mencegah masyarakat untuk tidak menjalankan aktiviti perjudian di era yang penuh teknologi digital ini. Malah hukuman yang digubal pada undang-undang kini tidak selaras di era digital.

Justeru itu, perkara ini memberi halangan dalam mengatasi individu yang aktif dalam perjudian dalam talian. Dengan kemunculan judi dalam talian dapat mempengaruhi masyarakat tidak kira peringkat umur kerana kemudahan dalam mengakses permainan tersebut serta menarik perhatian mereka melalui iklan-iklan yang ditayangkan di semua platform digital. Maka undang-undang seperti Akta Pertaruhan 1953 dan Akta Rumah Terbuka 1953 amat tidak sesuai untuk menghukum individu yang aktif dalam aktiviti perjudian dalam talian terutamanya, hukuman yang dikenakan tidak sesuai dengan era digital pada harini. Tambahan pula, perkara ini melibatkan aplikasi teknologi seperti transaksi mata wang kripto dan laman web yang dihoskan di luar negara, menyebabkan sukar untuk mengesan aktiviti perjudian dalam talian.


Akta Mahkamah Syariah 1965 iaitu bidang kuasa jenayah mengenakan hukuman maksimum tiga (3) tahun penjara, denda RM5,000.00 dan enam (6) kali sebatan (Tuan Muhammad Faris Hamzi Tuan Ibrahim, 2024). Kesalahan serius, seperti perjudian berskala besar atau berulang, dianggap tidak mencukupi untuk hukuman ini, terutamanya apabila sejumlah besar wang atau sindiket jenayah terancang terlibat. Tambahan pula, hukuman ringan mungkin tidak mencukupi untuk menghalang pesalah. Sebelum kemunculan teknologi moden, Akta 355 tidak meramalkan penggunaan teknologi sebagai pengganti tenaga manusia. Isu ini mempunyai persamaan dengan transaksi digital, di mana cabaran terhadap penerapan undang-undang Syariah timbul daripada transaksi dalam talian dan penggunaan dokumen kertas. Peruntukan tertentu dalam Akta 355 menjadikan penguatkuasaan undang-undang terhadap kesalahan perjudian dalam talian lebih sukar.

Selain itu, Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidang kuasa ke atas orang Islam sahaja. Justeru, walaupun aktiviti perjudian disertai oleh orang Islam, pengendali bukan Islam yang menjadi punca utama kegiatan itu tidak boleh didakwa di bawah undang-undang Syariah. Pengendali bukan Islam sebenarnya bebas daripada undang-undang Syariah, apa yang mereka perlu ikuti ialah undang-undang sivil yang wujud di Malaysia seperti Akta Pertaruhan 1953 atau Akta Rumah Judi Terbuka 1953. Hasilnya adalah hampir mustahil untuk mengharamkan perjudian secara keseluruhan, apabila hanya pemain orang Islam yang dihukum, manakala pengusaha bukan Islam terus terlibat dalam perniagaan di bawah perlindungan undang-undang sivil.

Limitasi undang-undang Malaysia adalah halangan utama untuk mengawal perjudian, terutamanya dalam perjudian dalam talian. Ini kerana transaksi tidak dapat dikesan dan tidak melibatkan sistem

kewangan konvensional, penggunaan platform dan teknologi antarabangsa seperti mata wang kripto menyukarkan penguatkuasaan. Selain itu, bukti menjadi lebih sukar untuk dikumpul kerana kecanggihan teknologi yang digunakan untuk menyembunyikan identiti pengguna. Seterusnya, kekurangan sumber dan latihan pihak berkuasa, terutamanya dalam menangani jenayah siber yang memerlukan kepakaran teknologi tinggi, menghalang penguatkuasaan undang-undang. Kesukaran untuk menyelaraskan undang-undang Syariah dan sivil menjadikan perjudian lebih kompleks. Oleh itu, untuk menangani masalah ini dengan berkesan, tindakan yang lebih lengkap dan bersepadu diperlukan. Pembaharuan dan pengukuhan dalam bidang penguatkuasaan, kerjasama antarabangsa, pendidikan awam, dan pindaan undang-undang diperlukan untuk menangani cabaran yang disebabkan oleh halangan undang-undang yang sedia ada.

Cadangan Penyelesaian



Rajah 3: Bentuk-bentuk Penyelesaian

Menguatkuasakan Undang-Undang yang Lebih Ketat dan Menyelaraskan Dasar Antarabangsa

Kerjasama antarabangsa memainkan peranan yang sangat penting dalam mengatasi cabaran global yang dihadapi oleh negara-negara dalam mengawal dan memantau aktiviti perjudian dalam talian. Dengan meningkatnya perjudian dalam talian, terutamanya yang melibatkan transaksi *cryptocurrency*, penggunaan VPN, dan platform luar negara, pendekatan yang lebih menyeluruh diperlukan, melibatkan kerjasama di peringkat antarabangsa. Hubungan yang lebih erat antara agensi penguatkuasaan undang-undang dari pelbagai negara adalah penting untuk menangani perjudian dalam talian yang tidak sah. Banyak laman perjudian beroperasi di luar sempadan undang-undang tertentu, menjadikan keperluan untuk rangka kerja perundangan yang boleh dikuatkuasakan di seluruh dunia semakin mendesak.

Perjanjian antarabangsa seperti konvensyen atau perjanjian bilateral mengenai pengawalan perjudian dapat memastikan negara-negara bekerjasama untuk menyekat laman perjudian dalam talian yang melanggar undang-undang. Contohnya, jika satu negara mengesan platform perjudian dalam talian tanpa lesen, kerjasama dengan negara asal platform tersebut dapat membantu dalam menyekat akses dan menghentikan operasinya.

Selain itu, penggunaan mata wang kripto dalam perjudian dalam talian menimbulkan cabaran besar bagi pihak berkuasa tempatan kerana teknologi *blockchain* memberikan tahap privasi yang tinggi. Negara-negara dengan undang-undang ketat terhadap perjudian perlu bekerjasama dengan negara-negara yang lebih terbuka terhadap *cryptocurrency* untuk mengesan transaksi berkaitan perjudian haram. Sebagai

contoh, beberapa negara seperti Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah telah bekerjasama untuk membangunkan sistem pemantauan transaksi *cryptocurrency*.

Akhirnya, organisasi antarabangsa seperti Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) boleh memainkan peranan penting dalam menyelaraskan undang-undang dan peraturan perjudian dalam talian. Kerjasama ini dapat memastikan bahawa negara-negara mempunyai garis panduan yang serupa untuk mengawal aktiviti perjudian dalam talian serta penggunaan teknologi seperti *cryptocurrency* dan VPN. Penyelarasan peraturan antara negara juga boleh melibatkan kesepakatan mengenai pemantauan dan sekatan akses ke laman sesawang perjudian tertentu. Negara-negara boleh memperkenalkan peraturan yang melarang penyediaan platform perjudian kepada pemain dari negara yang mengharamkan perjudian dalam talian dan menggunakan teknologi untuk memantau serta menyekat trafik berkaitan perjudian.

Peningkatan Teknologi Lebih Canggih dan Selamat

Langkah-langkah yang berkesan untuk menangani cabaran aktiviti perjudian di era digital mengikut undang-undang adalah penting bagi pihak berkuasa untuk memperkuatkan prosedur penyitaan, penyimpanan, dan keselamatan bukti. Langkah yang boleh dilaksanakan ialah dengan mempertingkatkan teknologi lebih canggih dan penyimpanan bukti supaya lebih selamat dan ketat. Dalam kes perjudian digital, bukti sering berada dalam bentuk data yang mudah diubah suai dan dimanipulasi, seperti rekod transaksi dan komunikasi dalam talian. Oleh itu, dengan meningkatkan dan memperkuat teknologi penyimpanan awan yang selamat, pihak berkuasa dapat menyimpan bukti supaya tidak boleh diubah atau dimusnahkan sebelum perbicaraan, sekaligus menjamin akses yang lebih mudah dan pantas untuk rujukan dalam perbicaraan.

Seperti yang kita sedia maklum, berdasarkan akhbar Kosmo, inisiatif yang dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) seperti Ops Dadu, yang melibatkan serbuan dan rampasan alat teknologi seperti komputer, telefon pintar, dan peranti lain dari sindiket perjudian, menunjukkan keberkesanan langkah ini dalam mengumpulkan bukti digital (Ahmad, 2021). Walau bagaimanapun, proses penyitaan ini perlu dilengkapi dengan sistem penyimpanan yang dapat menjamin integriti dan keselamatan bukti digital dalam tempoh penyiasatan dan pendakwaan.

Menerusi Berita RTM, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi baru-baru ini menegaskan keperluan untuk memperkukuh keselamatan siber dan mengkaji semula undang-undang dalam menangani ancaman digital, termasuk perjudian dalam talian. Menurut beliau, kerajaan akan memperkenalkan Rang Undang-undang Keselamatan Dalam Talian yang dijangka akan memberikan garis panduan ketat bagi penyimpanan dan pengendalian bukti digital bagi mencegah kerosakan atau manipulasi data dalam kes jenayah digital (Cabaran era digital: Kerajaan perkukuh keselamatan siber, 2024).

Di samping itu, kerjasama antara agensi penguatkuasaan adalah penting untuk membanteras perjudian dalam talian. Ini termasuk kerjasama antara agensi agama, polis siber, dan pakar teknologi untuk mewujudkan sistem pemantauan yang lebih efektif. Sebagaimana yang kita sedia maklum, sistem berasaskan kecerdasan buatan (AI) boleh dimanfaatkan untuk mengesan laman sesawang perjudian secara automatik dan menjejak aktiviti yang mencurigakan. Oleh itu, usaha bersepadu ini mampu mengurangkan mafsadah atau kerosakan sosial yang diakibatkan oleh perjudian, seperti ketagihan, konflik keluarga, dan kesan buruk kepada ekonomi individu dan masyarakat. Dengan itu, usaha ini adalah selaras dengan prinsip mencegah kerosakan yang lebih besar dan melindungi kemaslahatan umat.

Begitu juga dengan penggunaan teknologi forensik digital perlu ditingkatkan. Kaedah seperti *live forensics* dan analisis rangkaian membolehkan penyiasat menjejak aktiviti perjudian, mengenal pasti data transaksi digital, dan mendapatkan maklumat tentang pelaku dengan mudah dan pantas. Walau bagaimanapun, proses ini memerlukan peralatan khusus yang mahal serta kepakaran teknikal yang mendalam. Selain itu, bukti digital yang diperoleh mesti disimpan dengan cara yang menjamin integriti dan ketulenannya, selari dengan *standard* keselamatan antarabangsa. Sebagai contoh, teknologi seperti

blockchain boleh digunakan untuk tujuan ini kerana ia menyediakan jejak audit yang telus, memastikan bukti kekal tidak berubah dari saat penyitaan hingga dibentangkan di mahkamah. Pendek kata, langkah ini penting untuk menjamin bukti boleh diterima secara sah dalam sistem kehakiman syariah dan sivil.

Menubuhkan Rangka Kerja Penguatkuasaan Rentas Negeri dan Nasional yang Komprehensif

Salah satu cadangan yang paling dominan bagi menangani cabaran berkaitan bidang kuasa negeri-negeri dalam perjudian dalam talian adalah dengan menubuhkan rangka kerja penguatkuasaan rentas negeri dan nasional yang komprehensif. Cadangan ini melibatkan tiga (3) komponen utama iaitu reformasi undang-undang, pembangunan teknologi pemantauan digital, dan kerjasama erat antara kerajaan negeri dan Persekutuan.

Langkah pertama adalah menerusi reformasi undang-undang iaitu dengan menyelaraskan undang-undang negeri dan Persekutuan untuk menangani aktiviti perjudian dalam talian. Definisi seperti "rumah judi" atau "tempat perjudian" dalam enakmen syariah negeri perlu diperluas untuk merangkumi platform digital dan operasi maya. Akta Rumah Judi Terbuka 1953 juga perlu dipinda untuk memastikan ia relevan dengan teknologi semasa. Penyelarasan ini boleh dicapai melalui perundingan antara kerajaan negeri dan Persekutuan, dengan melibatkan pakar undang-undang, wakil negeri, dan penguat kuasa. Reformasi ini bukan sahaja memastikan konsistensi tetapi juga mengukuhkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang di seluruh negara.

Seterusnya melalui teknologi pemantauan digital, kerajaan Persekutuan perlu melabur dalam pembangunan sistem teknologi pemantauan digital yang boleh diakses oleh semua negeri. Contohnya, sebuah sistem pemantauan nasional yang berasaskan kecerdasan buatan (AI) boleh diwujudkan untuk mengenal pasti aktiviti perjudian dalam talian secara *real-time*. Sistem ini boleh memantau transaksi mencurigakan, platform perjudian haram, dan interaksi digital yang melibatkan perjudian. Negeri-negeri yang kekurangan sumber teknologi boleh menggunakan sistem ini dengan sokongan latihan dan bantuan teknikal daripada SKMM dan PDRM.

Selain itu, kerangka kerja ini juga perlu merangkumi mekanisme kerjasama rasmi antara negeri dan agensi pusat. Jawatankuasa penguatkuasaan rentas negeri boleh ditubuhkan untuk menyelaraskan tindakan undang-undang terhadap sindiket perjudian yang beroperasi merentasi sempadan geografi. Jawatankuasa ini boleh bertindak sebagai pusat komunikasi yang menghubungkan negeri-negeri, agensi Persekutuan, dan pasukan teknologi. Selain itu, protokol *standard* perlu diwujudkan untuk memastikan aliran maklumat dan pengurusan kes berjalan lancar tanpa mengira sempadan negeri.

Akhir sekali, komponen penting dalam cadangan ini adalah pendidikan dan kesedaran masyarakat mengenai risiko dan kesan negatif perjudian dalam talian. Kempen kesedaran yang melibatkan media massa, komuniti tempatan, dan institusi pendidikan boleh membantu mengurangkan permintaan terhadap aktiviti ini. Dengan menanamkan nilai-nilai moral dan kesedaran undang-undang, masyarakat dapat memainkan peranan dalam mengurangkan insiden perjudian dalam talian.

Oleh itu, dengan menggabungkan elemen reformasi undang-undang, kecanggihan teknologi, kerjasama strategik, dan pendidikan masyarakat, rangka kerja penguatkuasaan ini berpotensi untuk menangani cabaran yang dihadapi oleh negeri-negeri secara menyeluruh. Inisiatif ini penting dalam usaha untuk memastikan tindakan yang lebih konsisten dan efektif dalam membanteras perjudian dalam talian di Malaysia.

Penggubalan Undang-Undang Baharu

Undang-undang yang sedia seperti Akta Pertaruhan 1953 dan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 tidak mencukupi untuk membantu mengekang pertumbuhan perjudian dalam talian. Oleh itu undang-undang baharu dan khusus perlu digubal seperti di Singapura. Malaysia boleh mencontohi Singapura dalam menguatkuasakan "*Remote Gambling Act* 2014" untuk memberikan definisi tentang perjudian dalam talian serta larangan, peraturan dan hukuman kepada yang terlibat dalam perjudian (Rahman, 2024). Oleh itu, dengan menguatkuasakan undang-undang ini maka ianya dapat membanteras

sesiapa yang melibatkan diri atau mengiklankan diri dalam perjudian *Internet* jika seseorang itu tidak berlesen untuk berbuat demikian dan harus dikenakan denda yang berat, penjara dan rampasan harta. Malah, undang-undang ini juga perlu digubal dengan mengawal selia akses pengguna perjudian dikawal ketat. Hal ini adalah untuk menghindari golongan muda atau mengikut peringkat umur yang sepatutnya dilarang terlibat dalam aktiviti perjudian.

Memandangkan masyarakat Malaysia kini mengalami ketidakpastian sama ada perjudian dalam talian dilarang atau masih terkawal, Malaysia perlu menggubal undang-undang baharu yang jelas dan menyeluruh untuk menangani isu perjudian dalam talian. Pengukuhan berdasarkan Sahanah dan Mohamad (2024), mereka memberi sokongan daripada Dhillon et al. (2012), iaitu isu sosial seperti penipuan dan pengubahan wang haram boleh meningkat sekiranya tiada undang-undang yang tegas. Jadi, undang-undang baru ini memerlukan penjelasan yang terperinci tentang larangan perjudian dalam talian. Dengan itu, pihak tertentu mesti menetapkan piawaian yang ketat untuk pemberian lesen kepada pengendali, dan menubuhkan agensi khas untuk memantau dan menguatkuasakan undang-undang berkaitan (Rahman, 2024).

Tambahan pula, undang-undang ini hendaklah dibantu dengan sebuah badan pengawalseliaan tertentu seperti di Singapura iaitu Autoriti Pengawalseliaan Perjudian (Rahman, 2024). Sehubungan itu, pihak ini bertanggungjawab untuk memantau perjudian dalam talian, mengeluarkan lesen dengan syarat ketat, dan mengawasi iklan yang berkaitan dengan perjudian dalam talian. Langkah ini boleh menghalang kesan negatif iklan haram di media sosial dan menyekat tapak perjudian melalui teknologi yang lebih maju.

Malaysia boleh menangani perjudian dalam talian dengan lebih teliti dan mengekalkan peraturan dan kawalan yang ketat khususnya buat umat Islam. Justeru itu, umat Islam dapat dibendung atau dilarang daripada terlibat dalam aktiviti perjudian sama ada dalam talian ataupun luar talian. Oleh itu, undang-undang ini akan melindungi masyarakat khususnya yang beragama Islam di Malaysia daripada bahaya yang boleh merosakkan kehidupan mereka dan keluarga mereka.

KESIMPULAN

Perjudian dalam talian di Malaysia telah menjadi satu isu yang kompleks dan memerlukan perhatian serius dari pelbagai pihak, termasuk kerajaan, penguat kuasa, dan masyarakat umum. Perkembangan teknologi seperti penggunaan mata wang kripto, VPN, dan platform antarabangsa menjadikan penguatkuasaan undang-undang semakin mencabar. Aktiviti ini bukan sahaja melibatkan aspek undang-undang tetapi turut memberi kesan negatif yang mendalam terhadap masyarakat dari sudut sosial, ekonomi, dan moral. Walaupun terdapat undang-undang seperti Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953, ia didapati tidak lagi sesuai dengan cabaran yang dibawa oleh era digital. Ketidakserasian undang-undang ini dengan teknologi moden menyebabkan kelemahan dalam mengawal aktiviti perjudian dalam talian. Jurang antara undang-undang Syariah negeri dan undang-undang Persekutuan turut menyukarkan usaha penyelarasan, menjadikan tindakan penguatkuasaan tidak konsisten di seluruh negara.

Di samping itu, kekurangan kepakaran teknologi di kalangan agensi penguatkuasa menambah beban untuk menjejaki aktiviti perjudian dalam talian. Bukti digital sukar diperoleh dan dijaga dengan baik, menyebabkan kesukaran dalam membawa pesalah ke muka pengadilan. Oleh itu, pelaburan dalam teknologi canggih, latihan intensif untuk pegawai penguat kuasa, serta kerjasama strategik antara negeri dan agensi pusat adalah amat diperlukan. Reformasi undang-undang juga perlu dilakukan untuk memastikan ia selaras dengan cabaran era digital. Sebagai contoh, Malaysia boleh mencontohi pendekatan undang-undang negara lain seperti Singapura melalui penggubalan undang-undang khusus untuk perjudian dalam talian. Langkah ini bukan sahaja akan mengukuhkan kawalan terhadap aktiviti perjudian tetapi juga menyediakan panduan jelas kepada penguat kuasa dan masyarakat.

Pada masa yang sama, kesedaran masyarakat tentang risiko dan bahaya perjudian dalam talian perlu dipertingkatkan. Melalui pendidikan dan kempen kesedaran, masyarakat boleh dididik untuk memahami impak negatif perjudian terhadap individu dan keluarga. Dengan usaha yang bersepadu, Malaysia

mampu melindungi kesejahteraan rakyat dan memelihara kestabilan sosial serta ekonomi negara. Secara keseluruhannya, usaha menangani perjudian dalam talian memerlukan tindakan holistik melibatkan undang-undang, teknologi, dan masyarakat. Hanya dengan pendekatan yang menyeluruh, isu ini dapat ditangani dengan berkesan demi memastikan Malaysia kekal sebagai sebuah negara yang harmoni dan maju di era digital ini.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap UiTM Cawangan Melaka dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan kajian ini,

PERTEMBUNGAN KEPENTINGAN

Pengarang mengisytiharkan bahawa tiada pertembungan kepentingan dalam penghasilan artikel ini.

SUMBANGAN PENGARANG BERSAMA

Artikel ini dihasilkan melalui kerjasama lima (5) orang penulis yang menyumbang kepakaran dan pengetahuan masing-masing dalam pelbagai aspek. Nur Fatin Rosli berperanan sebagai ketua yang bertanggungjawab merangka idea utama, menentukan skop penulisan, dan menyusun struktur artikel secara keseluruhan. Nur Syazwannie Humaira Samseri menyumbang kepada kajian literatur dengan mengumpul dan menganalisis sumber-sumber rujukan berkaitan undang-undang perjudian dalam talian di Malaysia serta cabaran penguatkuasaan. Marisa Mazanan memfokuskan kepada aspek teknikal, khususnya berkaitan dengan teknologi digital yang digunakan dalam aktiviti perjudian dalam talian serta kesukaran dalam penjejakan dan penyimpanan bukti digital. Bahirah Kamarudin mengkaji bidang kuasa undang-undang di peringkat negeri dan Persekutuan, ketidakseragaman dalam pelaksanaan undang-undang sedia ada, reformasi dan strategi kolaborasi antara agensi. Syahrina Hayati Md Jani menyumbang kepada penyuntingan akhir dan memastikan artikel dilengkapkan dengan sempurna sebelum diterbitkan oleh jurnal.

DEKLARASI PENGGUNAAN AI

Pengarang mengisytiharkan bahawa AI generatif tidak digunakan dalam penghasilan artikel ini, kecuali bagi tujuan pengolahan semula teks (*paraphrasing*) dan semakan silang rujukan. Penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap ketepatan, integriti, dan kandungan akhir karya ini.

PERNYATAAN ETIKA PENYELIDIKAN

Pengarang mengisytiharkan bahawa kajian ini tidak melibatkan sebarang, sampel atau data biologi manusia dan haiwan. Justeru, kelulusan dan kebenaran jawatankuasa etika tidak berkait dengan kajian ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data-data yang menyokong dapatan kajian ini boleh diperoleh daripada Pengarang koresponden berdasarkan permintaan yang munasabah, tertakluk kepada keperluan institusi dan pertimbangan etika yang berkenaan.

RUJUKAN

Ahmad, M. R. (2021, November 8). *PDRM tidak senyap isu judi online*. Kosmo. https://www.kosmo.com.my/2021/11/08/pdrm-tidak-senyap-isu-judi-online/

Aminnuraliff, M. (2023, Mei 06). *Hidup Musnah Angkara Judi*. https://www.sinarharian.com.my/article/257123/berita/semasa/hidup-musnah-angkara-judi

Al Hakim, I., & Dewi, R. N. (2024). Studi Literatur: Bahaya Judi Online Terhadap Diri Sendiri dan Keharmonisan Keluarga. *Diversity Guidance and Counseling Journal*, *2*(1), 56-77.

Bernama. (2021, November 8). *Undang-undang berkaitan perjudian diteliti, kajian sedang dilaksanakan*. Utusan Bornoe Online. https://www.utusanborneo.com.my/2021/11/08/undang-undang-berkaitan-perjudian-diteliti-kajian-sedang-dilaksanakan

Cabaran era digital: Kerajaan perkukuh keselamatan siber - Zahid Hamidi. (2024). Portal Berita. https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/cabaran-era-digital-kerajaan-perkukuh-keselamatan-siber-zahid-hamidi

Dhillon, G., Ling, L. S., Nandan, M., & Nathan, J. T. X. (2021). Online gambling in Malaysia: A legal analysis. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, *29*(1), 207-220.

Ibrahim, T. M. F. H. T., Faisal, M. S., & Baharuddin, A. S. (2024). Judi Dalam Talian: Analisis Awal Isu Dan Cabaran Pendakwaan Di Bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Di Malaysia: E-Gambling: Preliminary Analysis On Issues And Challenges In Prosecution Under Syariah Criminal Offences Enactment In Malaysia. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, *33*(4), 1-10.

Kathirvelu, S., & Abd Rahman, M. R. (2024). Analisa Terhadap Undang-Undang Perjudian Dalam Talian Di Malaysia (Analysis on the Online Gambling Laws in Malaysia). *UUM Journal of Legal Studies*, *15*(1), 329-360.

Mufti of Federal Territory's Office. (2019, August 5). *Bayan Linnas Siri Ke-207: Bahaya Judi*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/3619-bayan-linnas-siri-ke-207-bahaya- judi

Nazihah AN. (2024, Jun 24). *Ketahui Perbezaan Antara Judi Online Dan Judi Berlesen Di Malaysia*. iloveborneo.my. https://www.iloveborneo.my/perbezaan-judi-online-dan- judi-berlesen/

Saifuddin, S. (2023). Analisis Perspektif Keterangan Berhubung Penguatkuasaan Kesalahan Jenayah Syariah di Alam Siber: Analysis of The Perspective on The Description Regarding The Enforcement of Sharia Criminal Offenses in The Cyber World. *CFORSJ Procedia*, *1*, 196-206.

Sinar Harian. (2023, June 19). *Akta judi, pertaruhan Malaysia sudah lapuk*. https://www.sinarharian.com.my/article/264156/suara-sinar/lidah-pengarang/akta-judi-pertaruhan-malaysia-sudah-lapuk

Utusan Borneo. (2023, Oktober 19). *Judi dalam talian kesalahan di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953: Mahkamah Rayuan*. https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/19/judi-dalam-talian-kesalahan-di-bawah-akta-rumah-perjudian-terbuka-1953-mahkamah-rayuan.

© 2025 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/).